

Perbezaan di antara Pendapatan Isi Rumah dan Fenomena Keganasan Rumah Tangga di Negeri Terengganu dan Kelantan

Nuruaslizawati Ayob¹, Siti Hajar Abdul Rauf^{2*} & Norazmy Adenan³

¹ Calon Siswazah (PhD), Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin

² Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin

³ Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Terengganu

Corresponding Author: hajarrauf@unisza.edu.my

Abstract

Domestic violence is an issue of concern in the community. The statistics from the Royal Malaysia Police (PDRM) showed that there was an increasing number of domestic violence cases from the year 2018 to 2021. This study used quantitative research approaches and multistage sampling technique. A total of 390 respondents who met the selection criteria were selected as the study sample. This study was conducted in two states in Malaysia, namely Terengganu and Kelantan. The study was analyzed through Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 25 software and processed using inference analysis (ANOVA). The study found that household income is one of the factors that encourage violence. Therefore, the awareness of the socio-economic, cultural and needs and successful services delivery needs to be addressed by the authorities.

Keywords: Poverty; domestic violence; economic violence; household income; socio-economic

Abstrak

Keganasan rumah tangga merupakan satu isu yang membimbangkan dalam komuniti. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes keganasan rumah tangga semakin meningkat dari tahun 2018 hingga 2021. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan berbentuk kuantitatif dan menggunakan teknik persampelan pelbagai peringkat. Seramai 390 orang responden yang memenuhi krateria pemilihan telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini dijalankan di dua buah negeri di Malaysia iaitu Negeri Terengganu dan Kelantan. Hasil kajian dianalisis melalui perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 25 dan diolah menggunakan analisis inferensi (ANOVA). Hasil kajian mendapati bahawa pendapatan isi rumah merupakan salah satu faktor yang mendorong keganasan rumah tangga. Oleh itu, penilaian mengenai kesedaran tentang sosioekonomi, budaya dan keperluan penyampaian dan perkhidmatan yang cekap adalah isu yang perlu diberi perhatian dari pihak berwajib.

Kata kunci: Kemiskinan; keganasan rumah tangga; keganasan ekonomi; pendapatan isi rumah; sosio-ekonomi

PENGENALAN

Received: 10 January 2023

Accepted: 19 May 2023

Published: 30 June 2023

Keganasan rumah tangga merupakan satu masalah kesihatan dan telah melanggar hak asasi manusia. Perkara ini

bukanlah satu masalah kekeluargaan tetapi merupakan satu jenayah dalam komuniti. Malah keganasan ini juga merupakan jenayah berat di bawah kanun keseksaan (Isaacs, Nasir, Bhagat, Liyana Hazwani & Wan Hanis Aisyah, 2019). Statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dari tahun 2018 hingga 2021 menunjukkan berlaku peningkatan kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan. Kes keganasan rumah tangga di Malaysia paling ketara meningkat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 iaitu dari 4,905 kes pada tahun 2019 meningkat kepada 5,260 kes pada tahun 2020, dan 7,468 pada tahun 2021 (Siti Hajar, Azlini, Normala & Sabri, 2022). Malah saluran aduan kes keganasan rumah tangga melalui talian kasih juga turut meningkat dari 2,248 sebelum PKP dilaksanakan kepada 3,028 pada tahun 2021 (Adib, 2022). Statistik ini menunjukkan bahawa pandemik, epidemik, dan PKP menyumbang kepada peningkatan berlakunya kes keganasan rumah tangga di Malaysia (Siti Hajar et al. 2022). Selain itu, World Health Organization (WHO) turut menggambarkan satu daripada tiga (30%) wanita di seluruh dunia melaporkan telah mengalami beberapa keganasan sama ada keganasan fizikal dan/atau seksual oleh pasangan sepanjang hidup (WHO, 2021).

Keganasan meliputi tiga tipologi utama iaitu keganasan kepada diri sendiri, interpersonal dan kolektif. Tipologi ini merujuk kepada sifat dan keganasan yang boleh menyebabkan kecederaan sama ada fizikal, emosi atau seksual. Keganasan kepada diri sendiri melihat kepada pemikiran seseorang untuk merancang, mencari idea dan berfikir untuk mengakhiri hidup dengan cara membunuh diri atau “dengan sengaja mencederakan diri sendiri”. Keganasan interpersonal pula dibahagikan kepada dua sub katogeri iaitu keluarga dan komuniti. Keganasan dalam keluarga melibatkan penyalahgunaan kepada isi rumah seperti kanak-kanak, pasangan dan orang tua. Keganasan biasanya berlaku di rumah. Manakala, keganasan dalam komuniti melibatkan orang luar boleh jadi kenalan atau bukan dan sering berlaku di luar rumah. Keganasan ini termasuklah rogol, serangan seksual dan keganasan dalam pengaturan institusi seperti sekolah, tempat kerja, penjara dan rumah penjagaan. Keganasan kolektif pula merujuk kepada sekumpulan masyarakat atau individu yang mempunyai matlamat tersendiri dalam ekonomi, politik dan sosial sehingga menimbulkan penyalahgunaan hak manusia dan penganiayaan (Nuruaslizawati, 2020; Timshel, Montgomery & Dalgaard, 2017).

Keganasan rumah tangga dilakukan oleh pasangan adalah untuk mendapatkan dan mengekalkan kuasa serta mengawal pasangan dalam sesebuah perhubungan (Isaac

et al. 2020). Corak ini mengakibatkan ketidakseimbangan kuasa menyebabkan individu berada dalam ketakutan. Randawar dan Jayabalan (2018), mendefinisikan keganasan rumah tangga sebagai keganasan antara pasangan intim yang tinggal bersama atau yang pernah bersekedudukan sebelum ini. United Nations (2022) pula mentakrifkan keganasan rumah tangga sebagai corak tingkah laku dalam mana-mana perhubungan yang digunakan untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas pasangan intim. Ini termasuk apa-apa jenis tindakan sama ada berbentuk fizikal, seksual, emosi atau ekonomi dengan tujuan menimbulkan kemudaratatan atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas mangsa.

All Women's Action Society Malaysia [AWAM] (2023) pula mentakrifkan keganasan rumah tangga sebagai insiden yang berlaku apabila pasangan, bekas pasangan atau ahli keluarga cuba untuk mengawal dan menguasai seseorang melalui keganasan, ancaman keganasan atau cara pengawalan lain (menakutkan, mengancam, memanipulasi, memaksa, menyakiti, mencederakan, mengaibkan, menyalahkan atau mencederakan seseorang). Manakala Pertubuhan Pertolongan Wanita [WAO] Malaysia (2023) menyatakan keganasan rumah tangga adalah satu corak keganasan, penderaan, ugutan atau digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa ke atas pasangan sama ada sedang atau pernah menjalankan hubungan intim. Keadaan ini berlaku apabila pasangan cuba untuk mengawal dan menguasai sehingga menimbulkan ketakutan atau memaksa pasangan untuk berkelakuan dengan cara yang mereka tidak mahu.

Di Malaysia, keganasan rumah tangga merupakan satu perbuatan jenayah yang termaktub di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Akta ni meliputi beberapa perkara seperti dengan sengaja meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal oleh tindakan yang dilakukan, menuntut mangsa secara paksaan atau ancaman untuk terlibat dalam apa-apa kelakuan atau perbuatan seksual atau selainnya, mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan serta melakukan khianat atau kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan mangsa rasa sedih atau gusar (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), 1994).

Tipologi Keganasan Rumah Tangga

Keganasan rumah tangga merupakan isu yang sering kali berlaku dalam sebuah keluarga tanpa mengira siapa pelaku atau mangsa. Nuruaslizawati, Siti Hajar dan Nur Masliza (2021), menyatakan terdapat satu tahap ketaksamaan berlaku antara wanita dan

lelaki. Kepercayaan tradisional mengenai peranan jantina terutama dalam masyarakat dengan tidak menghargai atau tidak melihat wanita penting (Walsh, 2018). Menurut Nuruas Lizawati (2020); Randawar dan Jayabalan (2018), dominasi lelaki adalah lebih meluas dalam amalan budaya di Malaysia. Dalam konteks keganasan rumah tangga, keganasan ekonomi merupakan aspek penting yang boleh digunakan untuk mengklasifikasikan atau memahami corak keganasan yang melibatkan kawalan atau penyalahgunaan aspek kewangan.

Model Duluth melalui roda kuasa dan kawalan (*Power and Control Whell*) melihat lelaki menguasai wanita melalui kekuasaan dan keganasan. Keganasan yang berlaku bukan sahaja merujuk kepada satu-satu bentuk, malah terjadi dalam pelbagai bentuk atau cara untuk mengekalkan kuasanya dalam hubungan. Roda kuasa dan kawalan mengkategorikan lapan dimensi saling berkait yang membataskan keupayaan wanita untuk bertindak bebas (Pence & Paymar, 1993; Dutton, & Starzomski, 1997; Rankine et al. 2017). Penyalahgunaan ekonomi merupakan satu bentuk kawalan dan penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku dalam konteks keganasan rumah tangga. Pendera menggunakan kawalan kewangan sebagai alat untuk mengawal dan menyekat mangsa. Sebagai contoh, pendera menghalang pasangan daripada mencari atau mendapatkan pekerjaan, membuat mangsa sering meminta wang kepada pendera, mengambil wang mangsa, tidak memberi elaun kepada mangsa dan tidak membiarkan dia tahu tentang atau mengakses pendapatan keluarga.

Dominasi kuasa dan/atau kawalan yang dimiliki oleh suami dan/atau isteri menyebabkan berlakunya keganasan dalam rumah tangga. Apabila satu pasangan mempunyai kuasa dominan dan cuba mengawal pasangannya, persekitaran yang tidak sihat dan situasi berbahaya terwujud. Ini kerana, kuasa dan kawalan merupakan satu tingkah laku kasar dan ganas yang diwujudkan oleh pasangan dengan cara mendapatkan kawalannya secara kerap dan disertai dengan pelbagai jenis penyalahgunaan lain. Menurut Heward-Belle, Laing, Humphreys dan Toivonen (2018), roda kuasa dan kawalan juga digambarkan untuk menjelaskan tentang persepsi terhadap corak, niat dan kesan keganasan yang berlaku dalam bidang domestik. Menurut Siti Hajar et al. (2022), faktor berlakunya keganasan rumah tangga disebabkan oleh sosioekonomi, demografi, kewangan, sejarah dan pengalaman yang lepas, dan kesihatan mental dan tingkah laku. Roda kuasa dan kawalan juga turut menggambarkan sifat jantina yang mana masyarakat (lelaki) bukan sahaja diberi pilihan menggunakan keganasan kepada wanita, tetapi turut menggunakan pelbagai strategi kawalan terhadap wanita.

Ketakutan dan kegusaran mengenai masalah ekonomi dan sosial telah menyebabkan keganasan rumah tangga meningkat. Seseorang yang menghadapi tekanan kewangan atau ketidakstabilan sosial boleh mewujudkan ketegangan dan kekecewaan serta meningkatkan risiko keganasan rumah tangga (Sharma & Borah, 2020). Kajian yang dijalankan oleh Hayati, Faridah, Nor Afiah dan Norliza (2020) menunjukkan tahap pendidikan yang rendah, tahap sosioekonomi yang rendah, mempunyai sejarah atau sedang menggunakan bahan terlarang terdedah kepada keganasan rumah tangga. Di Malaysia, sebanyak 1,893 panggilan telah diterima melalui Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu peningkatan sebanyak 57 peratus kes keganasan rumah tangga ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan (Nailah Huda, 2020). Ketidakseimbangan kuasa yang dikekalkan melalui teknik kawalan kendiri menyebabkan mangsa berada dalam ketakutan (Randawar & Jayabalan, 2018). Ini sangat mempengaruhi dan menjelaskan psiko-sosial manusia dalam jangka masa panjang (Siti Hajar, Siti Hajar, Adi Fahruddin, 2020) dan mampu mempengaruhi kualiti dalam semua aspek kehidupan (Siti Hajar & Nuruaslizawati, 2020).

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan merupakan cara yang terbaik untuk mendapatkan maklumat atau data asli daripada populasi yang besar melalui pengedaran borang soal selidik (Creswell, 2021). Selain itu, pengkaji dapat memperihal tentang trend, sikap atau pendapat dan kelakuan atau watak berdasarkan kepada sampel atau populasi kajian (Creswell, 2021).

Pengkaji juga menggunakan teknik lapor sendiri (*self report technique*). Ini kerana, teknik lapor sendiri dianggap sesuai untuk menjawab soal selidik ini agar responden dapat memberi maklum balas yang benar dan jujur mengenai pengalaman dan pengetahuan mereka tanpa diketahui oleh mana-mana pihak (Nuruaslizawati, 2020). Tambahan pula, soal selidik ini mengandungi beberapa soalan yang bersifat peribadi.

Kajian ini hanya melibatkan dua buah negeri yang terletak di pantai timur iaitu negeri Terengganu dan Kelantan yang dipilih secara bertujuan. Pengkaji telah menetapkan tiga kriteria utama dalam pemilihan sampel iaitu (i) tinggal di negeri

Kelantan atau Terengganu, (ii) lelaki dan perempuan; dan (iii) berkahwin atau pernah berkahwin. Seramai 390 orang responden telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi kajian. Pemilihan ini ditetapkan oleh pengkaji agar populasi lain tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden (Etikan & Babtope, 2019). Kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk keganasan rumah tangga (ekonomi, fizikal, seksual, emosi) di negeri Terengganu dan Kelantan dari aspek sosio demografi pendapatan isi rumah.

Data yang diperoleh melalui soal selidik dikumpul, dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25 melalui teknik statistik inferensi ANOVA. Ujian dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan nilai min antara beberapa kategori yang mana selalunya mempunyai nilai lebih daripada dua min. Menurut Creswell (2021) ANOVA digunakan untuk melihat perbandingan antara dua atau lebih pembolehubah secara serentak bagi melihat sama ada terdapat kesan interaksi antara pembolehubah.

Hasil dan Perbincangan

Bagi mengenal pasti perbezaan antara bentuk keganasan berdasarkan faktor demografi satu ujian ANOVA telah dijalankan ke atas faktor yang mempunyai lebih daripada dua min. Hasil kajian mendapat terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pendapatan isi rumah dengan bentuk keganasan rumah tangga seperti yang digambarkan dalam Jadual 1. Dilihat bentuk keganasan fizikal menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($F= 2.586$, $\text{sig}= 0.026$).

Jadual 1:

Perbezaan bentuk keganasan dengan pendapatan isi rumah

| Faktor | Pembolehubah | Sumber | Jumlah kuasa dua | Dk | Min kuasa ² | F | Sig |
|----------------------|--------------|-----------------|------------------|-----|------------------------|-------|------|
| Pendapatan isi rumah | Ekonomi | Antara kumpulan | 11.338 | 5 | 2.268 | 1.350 | .243 |
| | | Dalam kumpulan | 645.074 | 384 | 1.680 | | |
| | | Jumlah | 656.412 | 389 | | | |
| | Emosi | Antara kumpulan | 2.731 | 5 | .546 | .859 | .509 |
| | | Dalam kumpulan | 244.211 | 384 | .636 | | |
| | | Jumlah | 246.942 | 389 | | | |
| | Seksual | Antara kumpulan | 1.773 | 5 | .355 | .547 | .741 |
| | | Dalam kumpulan | 248.943 | 384 | .648 | | |
| | | Jumlah | 250.716 | 389 | | | |
| | Fizikal | Antara kumpulan | 22.762 | 5 | 4.552 | 2.586 | .026 |
| | | Dalam kumpulan | 675.937 | 384 | 1.760 | | |
| | | Jumlah | 698.699 | 389 | | | |

Keganasan rumah tangga merupakan satu corak tingkah laku negatif atau sikap untuk mengawal orang lain. Terdapat pelbagai faktor risiko yang mempengaruhi keganasan dalam rumah tangga dan meninggalkan kesan mendalam kepada mangsa. Contohnya, tekanan kewangan atau ketidakstabilan ekonomi dalam rumah tangga boleh meningkatkan ketegangan dan konflik dalam perhubungan, yang seterusnya boleh meningkatkan risiko keganasan fizikal.

Menurut Occean et al. (2020), keganasan rumah sering berlaku berpunca daripada sikap isteri. Kajian oleh Cools dan Kotsadam (2017), menyatakan majoriti wanita yang didera mempunyai pencapaian akademik yang rendah, menganggur dan bergantung pada pendapatan suami sahaja. Pernyataan ini juga disokong oleh kajian Bosak, Das dan Haque (2019), yang menyatakan wanita bekerja (pernah atau dalam tempoh 12 bulan yang lalu) kurang berkemungkinan untuk dieksplotasi dari segi kewangan. Selain itu, kajian oleh Supriyanto dan Eleanora (2020) menyatakan wanita atau remaja yang berkahwin pada usia muda atau penduduk luar bandar yang kurang mendapat akses tentang perkembangan dan kemudahan teknologi, berpendidikan rendah serta berstatus ekonomi yang rendah (Wang, 2016) lebih cenderung atau berisiko menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Dalam kajian ini, pendapatan isi rumah telah memberi pengaruh kepada keganasan rumah tangga. Bagi konteks Malaysia, peratusan penerimaan wanita terhadap keganasan melibatkan isteri menunjukkan wanita mempercayai bahawa apabila mereka telah berkahwin, mereka “dimiliki” oleh suami dan adalah hak suami untuk memukul isterinya dengan alasan tertentu (Khaironisak et al., 2017). Namun begitu, adalah penting untuk ambil perhatian bahawa kepercayaan ini bertentangan dengan hak asasi manusia dan prinsip kesaksamaan jantina. Keganasan rumah tangga tidak boleh dibenarkan dalam apa jua bentuk dan tiada sebab yang boleh mewajarkan tindakan keganasan terhadap pasangan atau ahli keluarga yang lain.

Satu kajian di India mendapati berjuta-juta wanita menghadapi keganasan rumah tangga. Namun, hanya 0.1 peratus wanita membuat aduan terhadapnya (Kumar, 2017). Tiwari dan Shrestha (2018) menyatakan pekerjaan suami dilihat peramal yang signifikan bagi keganasan fizikal manakala pekerjaan isteri adalah signifikan bagi keganasan seksual. Menurut Hwang (2017) keganasan fizikal disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah, pasangan menganggur dan sistem sokongan sosial yang terhad. Ketidaksamaan ekonomi antara pasangan boleh mewujudkan ketegangan dan konflik

277

yang boleh mencetuskan keganasan rumah tangga. Ketidakaksamaan dalam pendapatan juga boleh mengukuhkan kuasa dan mengawal ketidakseimbangan dalam perhubungan. Oleh itu, adalah penting untuk setiap pasangan mengamalkan kesaksamaan dalam ekonomi, berkongsi tanggungjawab, berkomunikasi secara lebih terbuka perihal kewangan (menetapkan keutamaan dan matlamat, merancang kewangan) agar dapat mengurangkan ketegangan dan konflik mengenai wang.

Kesimpulan

Penakhlukan sumber ekonomi merupakan suatu yang terpenting dalam kehidupan hari ini. Dengan peningkatan kos yang semakin hari semakin meningkat, tidak dinafikan keadaan ini menjelaskan sumber ekonomi sesebuah keluarga. Pendapatan isi rumah yang rendah menyebabkan individu berada dalam keadaan tertekan kerana tidak dapat memenuhi keperluan asas kehidupan. Ketidakmampuan dalam menyediakan keperluan asas menyebabkan sesetengah pasangan memilih untuk melepaskan kemarahan kepada mangsa. Oleh itu, pengukuhan status sosio-ekonomi adalah perlu dan memastikan wanita terutama yang telah berkahwin turut berperanan dalam sektor ekonomi. Menurut Tengku Fatimah Maliana et al. (2019), persekitaran kerja yang mencabar memerlukan sokongan dan motivasi daripada ahli keluarga dan organisasi untuk mengekalkan kehidupan yang seimbang. Rangkaian sosial mengenai ikatan yang memberi pengetahuan, pengaruh dan kekuatan kepada individu. Ini bermaksud bahawa semakin banyak ikatan atau hubungan yang wujud, semakin tinggi ketumpatan rangkaian (Siti Hajar et al., 2022). Oleh itu, komitmen dan strategi sama ada melalui anjuran seperti seminar, kempen, ceramah, melibatkan pihak media dalam mempromosikan kesejahteraan hidup harmoni dan selamat tanpa sebarang keganasan perlu dilaksanakan secara terperinci bagi mengurangkan masalah keganasan rumah tangga.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua yang menyumbang semasa proses menyiapkan artikel ini.

Pembentangan

Tiada pembentangan daripada mana-mana pihak yang dikaitkan dengan penerbitan ini.

278

Sumbangan

Nuruaslizawati binti Ayob, menulis artikel
Siti Hajar binti Abdul Rauf, menyemak dan menambahbaik artikel
Norazmy Adenan, metodologi.

Kepentingan konflik

Tiada kepentingan yang dikaitkan dengan penerbitan ini.

Rujukan

Abramsky, T., Watts, C. H., Garcia-Moreno, C., Devris, K., Kiss, L., Ellsberg, M., & Jansen, H. (2019). Heise, L. 2011. What factors are associated with recent intimate partner violence? Findings from the WHO multi-country study on women's health and domestic violence. *BMC Public Health*,(11): 1–17. Abrego, MG 2010. Eradicating violence: A prerequisite for personal and societal peace. In. *Infrastructures for Peace in Sub-Saharan Africa*, 11, 263.

All Women's Action Society (AWAM). (2023). What is Domestic Violence? <https://www.awam.org.my/awamresources/domestic-violence/>.

Bosak, L., Das, T., & Haque, K. A. (2019). Domestic Violence and Women Autonomy: The Darkest Truth of Our Society. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 1-9.

Cools, S., & Kotsadam, A. (2017). Resources and intimate partner violence in Sub-Saharan Africa. *World Development*, 95, 211-230.

Creswell, J. W. (2021). *A concise introduction to mixed methods research*. SAGE publications.

Dutton, D. G., & Starzomski, A. J. (1997). Personality predictors of the Minnesota power and control wheel. *Journal of interpersonal violence*, 12(1), 70-82.

- Etikan, I., & Babtope, O. (2019). A basic approach in sampling methodology and sample size calculation. *Med Life Clin*, 1(2), 1006.
- Hayati, K.S., Faridah, J., Nor Afiah, M.Z., & Norliza, A. (2020). Prevalence of intimate partner violence in Malaysia and its associated factors: a systematic review. *BMC Public Health*, 20, 1550.
- Heward-Belle, S., Laing, L., Humphreys, C., & Toivonen, C. (2018). Intervening with children living with domestic violence: Is the system safe?. *Australian social work*, 71(2), 135-147.
- Hwang, Y. (2017). What Is the Cause of Graduates' Unemployment? Focus on Individual Concerns and Perspectives. *Journal of Educational Issues*, 3(2), 1-10.
- Isaacs, V., Nasir, M., Bhagat, V., Liyana Hazwani, M. A., & Wan Hanis Aisyah, W. R. (2019). Study on drug addiction and domestic violence in Kuala Nerus. *WJPLS*, 5, (11), 208-214.
- Khaironisak, H., Zaridah, S., Hasanain, F. G., & Zaleha, M. I. (2017). Prevalence, risk factors, and complications of violence against pregnant women in a hospital in Peninsular Malaysia. *Women & health*, 57(8), 919-941.
- Kumar, A. (2017). Causes of Domestic Violence in a Particular Area. *Asian Journal of Research in Social Sciences and Humanities*, 7(8), 105-112.
- Nailah Huda. (April 6, 2020). COVID-19: *Keganasan rumah tangga meningkat sejak wabak tercetus – PBB, 2020*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/covid19-keganasan-rumah-tangga-meningkat-sejak-wabak-tercetus-pbb-236955>.
- Nuruaslizawati, A. (2020). *Tahap Pengetahuan Individu Melayu Berkahwin mengenai Keganasan Rumah Tangga: Kajian Kes di Terengganu dan Kelantan*. Sarjana, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Nuruaslizawati, A., Siti Hajar, A. R., & Nur Masliza, S. (2021). Tahap Pengetahuan Masyarakat Kelantan Terhadap Keganasan Rumah Tangga. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 72-79.

- Occean, J. R., Thomas, N., Lim, A. C., Lovett, S. M., Michael-Asalu, A., & Salinas-Miranda, A. A. (2020). Prevalence and Factors Associated With Intimate Partner Violence Among Women in Haiti: Understanding Household, Individual, Partner, and Relationship Characteristics. *Journal of Interpersonal Violence*, 0886260519898443.
- Pence, E., & Paymar, M. (1993). *Education groups for men who batter: The Duluth model*. Springer Publishing Company.
- Polis DiRaja Malaysia (PDRM). (2022). *Statistik Kes Keganasan Rumah tangga bagi Tahun 2018 Hingga 2021*.
- Randawar., D. K., & Jayabalan, S. (2018). The Definition of Domestic Violence in Malaysia: A Cross-National Comparison. *Akademika* 88(3).
- Rankine, J., Percival, T., Finau, E., Hope, L. T., Kingi, P., Peteru, M. C., ... & Selu, E. (2017). Pacific peoples, violence, and the power and control wheel. *Journal of interpersonal violence*
- Sharma, A., & Borah, S. B. (2020). Covid-19 and domestic violence: an indirect path to social and economic crisis. *Journal of family violence*, 1-7.
- Siti Hajar, A. R., & Nuruasliyawati, A. (2020). The Experience of Domestic Violence on Married Person in Malaysia. *Psychology and Education Journal*, 57(9), 2211-2215.
- Siti Hajar, A. R., Azlini, C., Normala, R., & Sabri, S. (2022). *Laporan akhir kajian tinjauan mengenai persepsi dan tahap pengetahuan masyarakat terhadap keganasan rumah tangga*. Rawang: Institut Sosial Malaysia.
- Siti Hajar, A.R., Siti Hajar, A. B. A., & Adi Fahrudin. (2020). Social Change PostCOVID-19 in Malaysia: The Density of Social Network. *Asian Social Work Journal*, 5(2), 1-5.
- Supriyanto, E., & Eleanor, F. N. (2020). Early wedding polemic and the impact of the domestic violence. *Law and Justice*, 5(1), 30-38.

Tengku Fatimah Maliana, T. M., Syh Noorul Madihah, S. H., Siti Khatijah, I., Zurita, M. Y., Siti Fatimah, S., Nyr Nadiah, Z., & Wan Mohd Yusoff, W. C. (2019). Working Women and the Islamic Work-Life Balance Concept. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11).

Timshel, I., Montgomery, E., & Dalgaard, N. T. (2017). A systematic review of risk and protective factors associated with family-related violence in refugee families. *Child abuse & neglect*, 70, 315-330.

Tiwari, P., & Shrestha, G. (2018). Factors Associated with Intimate Partner Violence: Logistic Regression Approach. *Nepalese Journal of Statistics*, 2, 37-52.

UN Womens. (2022). *Facts and figures: Ending violence against women*. <https://www.unwomen.org/en/what-we-do/ending-violence-against-women/facts-and-figures#notes>.

Walsh, D. (2018). *Working with Domestic Violence: Contexts and Frameworks for Practice*. Routledge.

Wang, L. (2016). Factors influencing attitude toward intimate partner violence. *Aggression and violent behavior*, 29, 72-78.

Women Aid Organization (WAO). (2023). *What is Domestic Violence?* <https://wao.org.my/what-is-domestic-violence/>.

World Health Organization (2021). *Violence against Women*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/violence-against-women>.